



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**

**SESI MEJA BULAT HALA TUJU RENDAH EMISI MALAYSIA
(ROUNDTABLE DISCUSSION ON LOW EMISSIONS PATHWAY FOR MALAYSIA)**

1. KASA dengan kerjasama Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC), Climate Governance Malaysia (CGM) dan World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF-Malaysia) telah menganjurkan **Sesi Meja Bulat Hala Tuju Rendah Emisi Malaysia** (*Roundtable Discussion on Low Emissions Pathway*) pada 12 April 2021 di Dewan Damar Sari, Parcel F8, Putrajaya dan juga melalui platform dalam talian.
2. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) merupakan sumber rujukan kebangsaan (*national focal point*) bagi perkara berkaitan perubahan iklim serta bertanggungjawab bagi menyelaras pelaksanaan inisiatif-inisiatif perubahan iklim di peringkat nasional selaras dengan komitmen negara di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) dan Perjanjian Paris.
3. Antara tindakan yang sedang dilaksanakan oleh KASA adalah membangunkan pelan perancangan jangka masa panjang yang dikenali sebagai **Long-Term Low Emissions Development Strategies (LT-LEDS)** untuk dikemukakan kepada UNFCCC.
4. Pendekatan *low emissions pathway* merupakan antara strategi negara bagi mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gas – GHG) dalam jangka masa panjang. Perancangan strategi dan pelan tindakan dalam mencapai *low emissions pathway* memerlukan komitmen, penglibatan dan kerjasama daripada kementerian dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap sektor utama pelepasan GHG negara.
5. Manakala, sektor swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan juga perlu memainkan peranan dalam menyokong pelaksanaan *low emissions pathway* agar mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan *whole of nation approach* dalam menangani isu perubahan iklim.
6. Oleh itu, sesi meja bulat ini diadakan bertujuan untuk berkongsi inisiatif serta mendapatkan input daripada pelbagai pemegang taruh yang akan diambilkira dalam perancangan dasar dan pelaksanaan program-program pada masa akan khususnya berhubung perancangan **LT-LEDS**.

PR.KASA 37/2021
UNTUK SIARAN SEGERA 12 APRIL 2021

7. Seramai 250 peserta yang terdiri daripada kementerian/ agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan dan badan akademik telah menyertai sesi meja bulat ini secara fizikal dan atas talian.
8. YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, KASA telah merasmikan dan menyampaikan ucap-tama semasa sesi ini. Beliau telah memaklumkan komitmen tinggi Kementerian dalam memacu agenda perubahan iklim dan pembangunan hijau melalui pendekatan *planetary health*.
9. Antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan oleh KASA ialah mengemaskini sasaran komitmen pengurangan gas rumah kaca (GHG) negara di bawah (UNFCCC), penggubalan kerangka undang-undang dan mekanisme pasaran karbon, semakan semula Dasar Perubahan Iklim dan pengukuhan institusi menerusi penubuhan Pusat Inventori GHG Negara.
10. KASA berharap dengan penganjuran sesi meja bulat ini, ia akan mendorong lebih banyak perbincangan berkaitan *low emissions pathway* dan menggalakkan penglibatan semua pihak dalam memastikan sasaran pengurangan pelepasan GHG negara dapat dicapai.

- Tamat -

Kementerian Alam Sekitar dan Air
12 April 2021

MAKLUMAT TAMBAHAN

ATURCARA PERBINCANGAN MEJA BULAT (ROUNDTABLE DISCUSSION) LOW EMISSIONS PATHWAY FOR MALAYSIA

Tarikh : 12 April 2021 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Hybrid (Fizikal dan Atas Talian) Dewan Damar Sari 1 F8, Parcel F, Putrajaya

9.00 pagi	:	Perasmian dan Ucaptama oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha, KASA
9.30 pagi	:	Sesi Perbincangan 1: “Low Emissions Pathway - Our Needs and the Way Forward” Moderator : Dr. K. Nagulendran, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), KASA Ahli Panel <ul style="list-style-type: none">• Datuk Dr. Mary Wong Lai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan• En. Moktar Idham Musa Timbalan Pengarah II, Bahagian Tenaga Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri• Dr. Elizabeth Philip Pengurus REDD Plus, Unit Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation (REDD Plus)• Pn. Madelena Mohamed Pengarah, Jabatan Perbankan Islam & Takaful, Bank Negara Malaysia• Pn. Meena Raman Head of Programmes, Third World Network (TWN)• Dr. Henry Chan Conservation Director, WWF - Malaysia
11.15 pagi	:	Sesi Perbincangan 2: “The Private Sector's Role in Low Emissions Pathway” Moderator : En. Kiu Jia Yaw, Timb. Pengerusi Bersama Jawatankuasa Alam Sekitar & Perubahan Iklim Majlis Peguam Ahli Panel <ul style="list-style-type: none">• En. Faizal Mohd Yusof Pengarah Kanan, Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri• Datin Seri Sunita Rajakumar Founder & Chair, Climate Governance Malaysia (CGM)• Prof. Madya Dr. Norasikin Ahmad Ludin Felo Penyelidikan Kanan Institut Penyelidikan Tenaga Suria, Universiti Kebangsaan Malaysia• En. Thirupathi Rao Narayanamoorthy Head, Climate Change, PETRONAS

- Rakaman video sesi meja bulat ini boleh diakses melalui pautan seperti berikut:

<https://fb.watch/4Pq3GrX5Q3/>

